

## **Adat Kematian Masyarakat Borneo dan Asia: Satu Tinjauan Perbandingan dari Aspek Budaya dan Pendekatan Kajian**

HALINA SENDERA MOHD. YAKIN

*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu.  
halina\_sendera@yahoo.com*

**Abstrak** Makalah ini diupayakan untuk membuat analisis perbandingan terhadap literatur kesarjanaan berhubung adat kematian masyarakat Borneo dan Asia. Penelitian bersifat kualitatif ini mengaplikasikan teknik analisis kandungan berdasarkan kajian pustaka terhadap beberapa kajian terdahulu dalam bentuk tesis sarjana dan doktor falsafah, serta buku yang memperincikan adat kematian dalam masyarakat Borneo dan Asia. Antaranya, masyarakat peribumi di Sabah, Sarawak, Indonesia dan Republik Rakyat Cina. Berpandukan kepada perspektif strukturalisme, tinjauan literatur berhubung kematian dalam kalangan masyarakat Borneo dan Asia memperlihatkan beberapa konsep sejagat berhubung aspek ritual dan persamaan dari sudut pendekatan penyelidikan sarjana berkenaan. Makalah ini diharap mampu memberi sumbangan positif terhadap masyarakat berkenaan dan para pengkaji serta ahli akademik dalam bidang tertentu.

**Kata kunci:** Adat kematian, tinjauan literatur, perbandingan analisis, strukturalisme, Borneo, Asia.

***Abstract** This article is aimed at making a comparative analysis of the literature review on societies death custom between the Borneon and Asian societies. This qualitative study utilized content analysis technique based on literature reviews of several previous studies in the form of master and doctoral theses as well as books on death customs of the Borneon and Asian society, namely the indigenous societies in Sabah, Sarawak, Indonesia and the People's Republic of China. Based on the structuralist perspective, the literature review pertaining to death in Borneon and Asian society shows some universal concepts of ritual and similarities in respect of the scholars' research approaches. This article hopes to generate a positive contribution*

*to the society as well as researchers and academics in the related fields or specific areas.*

**Keywords:** *Death custom, literature review, comparative analysis, structuralisme, Borneo, Asia.*

## PENGENALAN

Wacana berhubung kematian yang suatu ketika dulu ditanggapi sebagai tabu, sebagaimana kenyataan Richard Huntington dan Peter Metcalf (1979) semakin mendapat tempat dalam penelitian para sarjana sehingga kini. Hal ini disebabkan kepentingannya dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Dalam bidang Antropologi, isu-isu kematian sering dikaitkan dengan fungsinya dalam pelbagai aspek, antaranya untuk mewujudkan keseimbangan dan solidariti masyarakat serta memaparkan nilai-nilai yang melingkari kehidupan mereka. Menurut Gang Chen (2000), kajian tentang kematian dalam bidang Antropologi dapat dikesan menerusi pelbagai pendekatan, sebagai contoh, pada abad ke-19 kematian dikaitkan dengan pendekatan evolusi yang antaranya dilaksanakan oleh Frazer dan Tylor. Pada abad ke-20, pendekatan evolusi beralih arah kepada pendekatan fungsional, iaitu memperkenalkan hasil-hasil kerja Emile Durkheim (1965) dan para pengikutnya seperti Hertz (1960), Radcliffe-Brown (1952) dan Bronislaw Malinowski (1954). Seterusnya, kajian Van Gennep tentang fasa triadik dalam kematian menerusi bukunya "*The Rites of Passage*" memberi laluan kepada pengkaji berikutnya, iaitu Victor Turner (1967) yang mempelopori kajian tentang simbol dan makna dalam ritual. Rentetan daripada kajian Victor Turner (1967), Clifford Geertz (1973/2008) seterusnya memperkenalkan pendekatan interpretif dalam kajian simbol dan ritual. Dari sudut historikal, rantaian ahli Antropologi terkemuka yang merintis pendekatan struktur, fungsi dan ketimbalbalikan atau kesalingan dapat dikesan daripada penemuan Emile Durkheim (1858–1917), diikuti antaranya oleh Marcel Mauss (1872–1950), Bronislaw Malinowski (1884–1942) dan A.R Radcliffe-Brown (1881–1955). Sementara itu, pendekatan Antropologi yang menjurus kepada simbol dan struktur dapat

dilihat dalam penelitian para sarjana terkenal seperti E. E. Evans-Pritchard (1902–1973), Claude Levi-Strauss (1908), Victor Turner (1920–1983) dan Clifford Geertz (1926).

Usaha pengkajian berhubung analisis perbandingan literatur kesarjanaan terhadap adat kematian masyarakat Borneo dan Asia, khususnya dalam arus perdana pada abad ke-21 kini begitu kurang sifatnya. Memahami kelompangan tersebut, maka makalah ini diupayakan untuk mengetengahkan beberapa sorotan literatur utama bersifat penyelidikan atau disertasi sarjana dan doktor falsafah berhubung adat kematian masyarakat Borneo dan Asia. Berdasarkan sorotan literatur berkenaan, penulis cuba untuk menganalisis perbandingan dalam adat kematian masyarakat Borneo dan Asia secara ringkas dengan bersandarkan kepada perspektif strukturalisme. Di samping itu, penulis juga membuat analisis perbandingan terhadap pendekatan, iaitu trend dan skop penelitian para sarjana. Sehubungan dengan itu, penulis akan melaksanakan analisis perbandingan terhadap penyelidikan dan bahan kajian yang pernah dilaksanakan oleh Halina Sendera Mohd. Yakin (2013) terhadap masyarakat Bajau di Sabah, Gang Chen (2000) terhadap masyarakat Cina di Republik Rakyat China, Dzulfawati Hassan (1993) terhadap masyarakat Melanau di Sarawak dan Jane Kathleen Wellenkamp (1984) terhadap masyarakat Toraja di Sulawesi, Indonesia. Selain daripada tesis sarjana dan doktor falsafah berkenaan, buku hasil karya Metcalf (1991) berhubung adat kematian masyarakat Berawan di Sarawak turut dianalisis kerana ia adalah antara kajian terperinci yang berupaya menggambarkan bagaimana masyarakat tertentu menangani kematian.

## TEORI STRUKTURAL LEVI-STRAUSS

Pendukung utama strukturalisme yang paling berpengaruh dan disegani dalam bidang Antropologi ialah Claude Levi-Strauss (1908–), seorang sarjana Perancis. Walau bagaimanapun, menelusuri diakronik sejarah perkembangan ilmu berkenaan, pendekatan struktural telah mula bertapak dan diformulasikan terlebih awal dalam bidang Linguistik atas inisiatif seorang tokoh Linguistik terkemuka dari Switzerland, iaitu Ferdinand de

Saussure pada awal abad ke-20, melalui kompilasi pemikirannya tentang semiologi, yaitu ilmu yang mengkaji keberadaan tanda dalam kehidupan masyarakat seperti yang terdapat dalam buku “*Course of Linguistic.*” Strukturalisme Levi-Strauss banyak diinspirasi dari pemikiran tokoh Linguistik lain yang sealaran dengan Saussure. Antara yang terpenting ialah Roman Jakobson dan Nikolai Trubetskoi yang menganalisis unit-unit fonem dalam fonologi (Gottdiener *et al.*, 2003; Agus Cremers 1997; Bohannon & Glazer, 1988).

Intipati primer dalam strukturalisme yang mendorong Levi-Strauss ialah permasalahan yang berhubung dengan aspek dalaman manusia yang dieksternalkan dalam dunia realiti, yakni makna-makna tersembunyi yang wujud jauh dari dalam kotak minda manusia dan diekspresikan atau dimanifestasikan melalui perlakuan atau produk budaya masyarakat. Oleh hal yang demikian, prinsip asas strukturalisme dalam bidang Antropologi ialah fenomena budaya telah distrukturkan sebagaimana yang terdapat dalam Linguistik atau struktur bahasa misalnya, unit-unit fonetik (fonem) hanya mempunyai makna melalui jaringan hubungan secara oposisi antara bunyi-bunyi. Bagi menjelajahi perspektif teoritis Strukturalisme Levi-Strauss, beberapa aspek harus diwacanakan, iaitu definisi struktur, aspek fondasi dan ciri-ciri yang melatari pendekatan strukturalisme. Menurut Paul Bohannon dan Mark Glazer (1988: 425), Levi-Strauss mendefinisikan struktur seperti berikut:

*“Structures are not concrete manifestations of reality; they are cognitive models of reality. As such structures are to be found as mentalistic models in both primitive man and the scientist. The scientist’s models are useful in understanding his particular field of study; the mental structures of primitive (or modern) man, which can be conscious or unconscious, help him live out his daily life.”*

Daripada definisi tersebut, struktur yang dimaksudkan oleh Levi-Strauss tidak bersifat konkrit (luaran) tetapi bersifat kognitif (dalaman) seperti yang dinyatakan oleh Leach (1976:5) bahawa ia merujuk kepada, “*The structure of ideas rather than the structure of society.*”Maknanya, struktur dalam pendekatan ini bukanlah seperti rangka binaan bangunan yang konkrit. Struktur adalah aspek realiti yang tersembunyi atau berada di bawah

permukaan atau keberadaan makna yang kelihatan secara nyata. Daripada struktur inilah sebenarnya manusia dapat menjalani rutin kehidupan seharian dan berkomunikasi sesama mereka bagi meneruskan kelangsungan hidup bermasyarakat. Daripada pengertian ini, struktur sosial (luaran) mencerminkan struktur kognitif (dalaman), iaitu apa yang difikirkan dimanifestasikan dalam bentuk perlakuan. Maksudnya, setiap produk budaya seperti adat istiadat, organisasi sosial dan sebagainya terhasil daripada struktur dalaman yang wujud dalam minda manusia kerana budaya adalah satu sistem komunikasi yang berasaskan simbol-simbol. Kesimpulannya, strukturalisme meletakkan otak atau rasional minda manusia dalam posisi penting yang berimpak tinggi dalam kehidupan sosial. Prinsip asas tersebut sinonim dengan kepercayaan yang mendukung pemikiran manusia sejagat bahawa yang membezakan manusia dengan binatang adalah manusia telah dianugerahkan dengan akal fikiran bagi membolehkan mereka hidup bertamadun.

Seiringan dengan itu, seperti yang terdapat dalam kenyataan Paul Bohannon dan Mark Glazer (1988: 424), penelitian strukturalisme Levi-Strauss menumpukan kepada tiga perkara pokok, iaitu: i) antropologi sosial dan teori hubungan dan kekerabatan (*alliance theory*), ii) kognisi dan proses mental manusia (*human cognition and mental processes*) dan iii) aspek struktur mitologi (*structural aspects of mythology*). Berhubung ciri-ciri struktur, menurut Jean Piaget (1968/1995), struktur memiliki tiga ciri asas, iaitu keseluruhan atau kesatuan (*totality*), transformasi dan pengaturan diri. Bohannon dan Glazer (1988: 427) pula mencirikan struktur kepada empat aspek, iaitu sistem, transformasi, modifikasi dan inteligibiliti. Dalam pemahaman ini, konsep sistem Bohannon dan Glazer mempunyai pengertian yang sama dengan konsep *totality* Piaget, manakala konsep modifikasi dan inteligibiliti merujuk kepada konsep pengaturan diri. *Totality* bermaksud sebuah struktur mempunyai ciri-ciri sebuah sistem, di mana struktur tersebut terdiri daripada pelbagai unsur atau substruktur yang saling berkaitan antara satu sama lain bagi membentuk keseluruhan atau kesatuan. Dalam pengertian ini, setiap elemen budaya mempunyai keterikatan dan hubungan padu antara satu sama lain dan harus dilihat dari sudut hubungan setiap satunya dalam satu sistem secara keseluruhan. Hal ini disebabkan sebarang perubahan dalam satu elemen akan menyebabkan perubahan terhadap elemen-elemen yang lain. Rentetan daripada itu, sebuah

struktur juga boleh mengalami transformasi sekiranya terdapat perubahan dalam mana-mana substruktur kerana budaya itu bersifat dinamik. Sekiranya transformasi berlaku, maka setiap substruktur atau elemen-elemen dalam budaya akan membuat penyesuaian atau regulasi secara automatik bagi menstabilkan semula sistem tersebut secara keseluruhan.

## SOROTAN LITERATUR BERHUBUNG ADAT KEMATIAN MASYARAKAT BORNEO DAN ASIA

Penelitian terkini di peringkat tesis doktor falsafah berhubung kematian masyarakat Borneo telah dilaksanakan oleh Halina Sendera Mohd. Yakin (2013) dalam kajian beliau terhadap adat kematian masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah. Dengan memfokuskan kepada struktur adat dan pemaknaan atau signifikasi simbol *non-verbal*, beliau cuba memaparkan pandangan alam dan kosmologi Bajau. Berpandukan gabungan tiga teori, iaitu Strukturalisme Levi-Strauss, Semiotik, Komunikasi *Non-Verbal* serta pendekatan kajian berbentuk etnografi, sebuah model kosmologi Bajau dibentuk bersandarkan kepada dua aspek yang saling berkaitan, iaitu aspek superioriti atau hierarki kuasa dan sifat kebergantungan. Penemuan memperlihatkan di sebalik keanekaragaman nilai, terdapat dua aspek dominan yang menunjangi pemikiran Bajau, iaitu kepercayaan terhadap makhluk dan alam supernatural dan juga sistem hierarki dalam organisasi sosial Bajau. Struktur dan simbol kematian menunjukkan pengaruh dari kosmologi Hinduisme dan Buddhisme telah mewarnai dan mentransformasikan pandangan alam dan Kosmologi Bajau yang dahulunya terbentuk dari dunia animisme. Namun setelah menganut agama Islam, pandangan alam dan kosmologi Bajau turut berubah. Bagaimanapun, perubahan yang berlaku lebih bersifat evolusi dalam situasi yang tidak seragam bentuknya. Senario ini disebabkan oleh beberapa faktor yang saling berkaitan, antaranya yang terpenting ialah faktor agama, modenisasi, pendidikan, ekonomi, transisi intergenerasi dan sistem politik serta pentadbiran lokal. Pendek kata, dalam abad yang ke-21 ini, perilaku budaya dalam adat dan ritual kematian Bajau memperlihatkan bahawa pandangan alam dan kosmologi Bajau seolah-olah berunsur sinkretisme, iaitu penyesuaian dan pembauran antara kepercayaan tradisional dan baharu.

Kajian Dzulfawati Hassan (1993; 2006) adalah analisis tentang upacara kematian Melanau Likow di Sarawak dengan memfokuskan kepada makna dan fungsi di sebalik upacara dan amalan yang dijalankan serta memaparkan proses ritual kematian secara kronologi. Selain itu, beliau juga meneliti aspek perubahan budaya yang berlaku dalam adat kematian tradisi Melanau. Permasalahan kajian beliau berlandaskan kepada pandangan-pandangan pengkaji terpilih sebelumnya dan membandingkan kajian tersebut dengan upacara kematian Melanau. Kajian beliau merupakan kajian kes yang berbentuk kualitatif dengan menggunakan beberapa perspektif teoritis, iaitu Skema *Tripartite* Van Gennep, Pendekatan Struktural Fungsional Radcliffe-Brown serta Pendekatan Sejarah. Beliau mendapati upacara kematian tradisi adalah upacara yang kompleks dan masih dipentingkan dan dilakukan secara besar-besaran oleh masyarakat Melanau kerana ia memanasifestasikan aspek kepercayaan tradisi, institusi ekonomi dan sosiomorfologi serta simbol-simbol tertentu dalam kehidupan berbudaya masyarakat Melanau. Selain itu, upacara kematian yang memerlukan masa, tenaga dan kos yang banyak juga berperanan mengintegrasikan masyarakat Melanau melalui nilai-nilai prihatin, kerjasama, tolong-menolong dan semangat kejiranan. Meskipun begitu, adat kematian tersebut turut mengalami perubahan untuk disesuaikan dengan keadaan semasa.

Sebuah lagi penyelidikan tentang adat kematian etnik Sarawak diperlihatkan menerusi kajian Peter Metcalf (1991). Berbeza dengan Dzulfawati, Metcalf memperincikan tentang kematian masyarakat Berawan. Penyelidikan beliau meliputi ritual yang dilaksanakan ketika dan selepas kematian yang merangkumi kesemua fasa yang disarankan oleh Van Gennep, iaitu proses pemisahan, peralihan dan penyatuan semula. Wacana tentang fasa berkenaan melibatkan antaranya ritual sebelum dan semasa pengebumian seperti ritual berjaga-jaga dan kebangkitan, pantang larang dan pengurungan atau pengasingan keluarga terdekat si mati seperti suami atau isteri, dan penyediaan serta penyelenggaraan balang, keranda dan mayat. Selain itu, proses dan ritual perkabungan dan perkaitan antara pemburuan kepala dan kudrat serta konsep pencemaran dan transisi turut diberi tumpuan. Di samping itu, sambutan atau keramaian untuk meraikan si mati dan pemergian nenek moyang turut dilaksanakan seperti permainan khas untuk memanggil si mati, lagu kematian dan kepentingan ritual

*nulang* yang dimaknai sebagai upacara pengebumian kali kedua (*secondary treatment*). Penulis turut mengetengahkan kosmologi berkenaan semangat nenek moyang dan relevansinya terhadap kesejahteraan hidup masyarakat Berawan. Usaha penulis dalam menerangkan makna kematian dan ritual berkaitan dipermudahkan dengan penggunaan konsep oposisi binari Levi-Strauss, antaranya konsep kesengsaraan atau kesakitan dan kerahmatan atau kesejahteraan yang dibawa oleh si mati kepada mereka yang masih hidup, konsep dunia fizikal dan dunia orang mati, konsep jenazah, roh dan semangat serta seumpamanya.

Seorang lagi sarjana yang menyentuh perihal kematian masyarakat Nusantara ialah Jane Cathleen Wellenkamp (1984) dengan tumpuan kajian terhadap etnik Toraja di Sulawesi, Indonesia. Penyelidikan beliau menyentuh aspek psikobudaya dan mempunyai dua matlamat utama, iaitu memaparkan tindak-tanduk ataupun reaksi masyarakat Toraja dalam menangani perkara yang bersangkutan paut dengan kematian termasuklah ritual kematian, konsep ratapan atau perkabungan dan kehilangan, proses pengendalian mayat dan sebagainya. Selain itu, kajian beliau bertujuan untuk menyediakan analisis tambahan terhadap kajian yang dibuat sebelumnya, terutamanya aspek yang menyentuh kepercayaan dan amalan masyarakat Toraja dalam perkara-perkara berkaitan kematian. Sepertimana kebanyakan kajian yang menjurus dalam bidang yang sama, kajian beliau turut menggunakan kaedah etnografi dan rakaman temu bual secara intensif untuk mengutip data. Menurut Wellenkamp (1984), keunikan yang dapat dilihat dalam adat kematian Toraja ialah ritual menyimpan jenazah di dalam rumah untuk jangka masa yang lama. Hal ini bertitik tolak oleh beberapa faktor, antaranya persediaan untuk upacara pengebumian melibatkan masa, usaha dan kos perbelanjaan yang banyak. Persoalan yang berhubung dengan rasa ikatan-pemisahan-kehilangan memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Toraja khususnya yang bersabit dengan hal-hal kematian. Hubungan peribadi antara orang mati dengan orang hidup tersimpul dalam satu ikatan yang kuat dan berpanjangan dan rasa ikatan tersebut diekspresikan melalui pelbagai bentuk emosi dan perlakuan untuk meratapi rasa kehilangan dan perpisahan tersebut. Menurut kepercayaan masyarakat Toraja, amalan yang dipraktikkan dalam ritual kematian seperti raungan, ratapan dan berkabung menimbulkan rasa kepuasan hati dan



kesenangan jiwa terhadap mereka yang kehilangan orang disayangi. Selain itu, ritual-ritual yang dipraktikkan dalam adat kematian memaparkan nilai-nilai seperti penghormatan dan kasih sayang terhadap si mati serta sokongan dan simpati masyarakat sekeliling terhadap mereka yang kematian ahli keluarga atau kaum kerabat.

Penyelidikan berhubung kematian masyarakat Asia pula telah dijalankan oleh Gang Chen (2000) di peringkat doktor falsafah yang menumpukan kepada ritual kematian masyarakat Cina di perkampungan Chongqing, China (Republik Rakyat Cina). Tesis Gang Chen memfokuskan aspek perubahan dalam ritual kematian dalam konteks sosiobudaya, ekonomi dan politik kontemporer. Konsep perubahan dilihat dari sudut amalan ritual tradisional yang dicirikan oleh kepercayaan Confucian, kemudian mengalami perubahan selepas tahun 1949 akibat tentangan daripada masyarakat feodal dan pengharaman oleh kerajaan kerana tradisi tersebut dianggap sebagai ketinggalan zaman dan penuh dengan kepercayaan karut. Walau bagaimanapun, pada awal 1980-an, ritual kematian tradisional tersebut dihidupkan kembali seiring dengan reformasi ekonomi China. Ritual tradisional dilihat memberi implikasi yang positif terhadap aspek sosial dan psikologikal pengamalinya. Kelangsungan, penerimaan dan kelestarian ritual tradisional dalam masyarakat kontemporer Cina diasaskan kepada pemikiran bahawa asas ekonomi dan struktur sosial yang tidak berubah menyebabkan *superstructure*, termasuklah ritual kematian dapat bertahan. Beliau menegaskan ritual kematian masyarakat Cina kontemporer boleh difahami sebagai versi modifikasi dalam acuan ritual tradisional. Dalam penelitian tersebut, perubahan disusun galur berdasarkan analisis diakronik kerana keberadaan sumber sejarah dan penelitian terdahulu.

## PERBANDINGAN DARI ASPEK RITUAL KEMATIAN MASYARAKAT BORNEO DAN ASIA SECARA RINGKAS

Berdasarkan tinjauan perbandingan ringkas terhadap kelima-lima tinjauan kesusasteraan yang diwacanakan sebelum ini, ritual kematian masyarakat Borneo dan Asia seperti Bajau, Melanau, Berawan, Toraja dan Cina mempunyai beberapa aspek persamaan. Dalam pengertian ini, dapat disimpulkan bahawa

terdapat nilai-nilai bersifat sejagat yang dikongsi bersama masyarakat berkenaan. Nilai-nilai berkenaan diperlihatkan dari pelbagai dimensi, antaranya nilai-nilai mistik dan kepercayaan kepada kuasa-kuasa *supernatural* termasuk roh-roh orang yang telah meninggal dunia. Selain menyentuh aspek kepercayaan, kematian juga sering dikaitkan dengan beberapa fungsi dan simbol antaranya menyentuh aspek ekonomi, iaitu pengisytiharan status dan kedudukan seseorang dalam lingkungan sosialnya. Di samping itu, kematian juga berkaitan dengan nilai-nilai yang melibatkan aspek psikologi, mental dan emosi seperti kegembiraan dan kemeriahan, serta nilai-nilai kasih sayang dan kerinduan, baik sesama individu yang masih hidup, mahupun hubungan antara orang hidup dengan orang mati. Sememangnya amalan dan ritual yang dilaksanakan masyarakat adalah saluran bagi penonjolan emosi, runtunan perasaan dan penerapan nilai-nilai kasih sayang, hormat-menghormati, keeratan hubungan, kerjasama dan sebagainya.

Berkaitan dengan nilai-nilai psikologi, nilai-nilai sosial turut diterapkan dalam ritual kematian masyarakat Borneo dan Asia. Mereka sangat mementingkan ikatan persaudaraan dan penghormatan kepada ahli keluarga mereka, bukan sahaja kepada mereka yang hidup, malah kepada mereka yang telah meninggal dunia. Selain itu, nilai keeratan hubungan, kerjasama dan tolong-menolong juga amat disanjung. Dalam pemahaman ini, amalan dan ritual yang dilaksanakan masyarakat berkenaan memperteguhkan lagi fungsi simbol dalam solidariti dan integrasi sosial sebagaimana penelitian yang pernah dilaksanakan oleh para sarjana terkemuka sebelum ini seperti Van Gennep (1960), Durkheim (1947;1965) dan Turner (1967). Kesimpulannya, amalan dan ritual tradisional dalam kalangan masyarakat Borneo dan Asia masih terus bertahan sehingga kini kerana makna serta fungsinya masih diperlukan. Di samping itu, ritual tradisional berperanan sebagai agen perpaduan yang membawa kepada keharmonian hidup bermasyarakat.

Dari sudut analisis diakronik pensejarahan, antara faktor penting yang menyumbang kepada kesejagatan nilai-nilai berkenaan adalah disebabkan proses evolusi yang mempengaruhi sistem pemikiran masyarakat lewat masa. Dalam pengertian ini, masyarakat di Borneo dan Asia telah mengalami tiga sistem pemikiran primer secara berperingkat, iaitu peringkat paganisme

atau animisme, peringkat Hinduisme dan Buddhisme dan seterusnya kepada agama-agama yang muncul selepas itu, iaitu Islam dan Kristian. Daripada perspektif teori strukturalisme pula, kesejagatan dalam perlakuan budaya dalam kalangan masyarakat adalah berpunca daripada struktur dalaman, iaitu minda manusia yang mengoperasikan atau menghasilkan konsep pemikiran yang sama. Menurut teori strukturalisme, amalan yang diprojektikan ke dunia nyata bertunjangkan daripada struktur dalaman manusia, iaitu kuasa minda yang beroperasi secara tanpa sedar. Oleh itu, persamaan konsep dalam pemikiran masyarakat telah menjadi kelaziman logik dan sukar dielakkan. Pendek kata, amalan yang dilaksanakan dalam sesuatu adat pada realitinya melambangkan konsep atau maksud yang sama walaupun ia diimplementasikan dan dimanifestasikan dalam cara berbeza dalam kalangan masyarakat yang bervariasi budayanya. Sementara lagi, perlakuan budaya masyarakat khususnya bersabit kematian berlandaskan kepada pemikiran strukturalisme tentang oposisi binari, iaitu pemahaman tentang sesuatu makna atau konsep berdasarkan dua unsur yang saling bertentangan. Salah satu kombinasi primer berhubung persoalan ini ialah oposisi tentang konsep syurga dan neraka, termasuklah konsep seperti dosa lawan pahala, kebaikan lawan kejahatan, iaitu perbuatan baik akan dibalas dengan syurga dan perbuatan jahat imbalannya ialah neraka. Pertentangan binari lain bersabit perihal kematian ialah seperti konsep alam nyata lawan alam ghaib, konsep manusia lawan makhluk *supernatural*, konsep kematian lawan kehidupan termasuklah hubungan antara orang mati dan orang hidup, sakit lawan sihat dan sebagainya. Seperkara lagi, berdasarkan strukturalisme, perlakuan budaya dalam adat kematian berkaitan secara langsung dengan amalan budaya dalam adat masyarakat yang lain. Melalui siratan yang saling berkaitan antara satu sama lain ini, ia membentuk satu sistem budaya masyarakat secara keseluruhan (Halina Sendera, 2012).

## PERBANDINGAN DARI ASPEK PENDEKATAN PENYELIDIKAN SARJANA

Dari aspek pendekatan konteks serta skop kajian, kebanyakan penyelidikan di peringkat tesis sarjana dan doktor falsafah berhubung kematian masyarakat Borneo dan Asia lewat abad ke-20 dan awal abad ke-21 ini

menggunakan pendekatan yang bersifat fungsional, simbolik dan interpretif. Kebanyakan penyelidikan berkisar tentang makna dan fungsi simbol, pandangan alam dan kosmologi, dan juga struktur serta perubahan dalam ritual kematian, antaranya penyelidikan Halina Sendera (2013), Gang Chen (2000), Dzulfawati (1993; 2006) dan Metcalf (1991). Walaupun kajian Wellenkamp (1984) bersifat psikobudaya, tetapi ia masih menerapkan pendekatan fungsional. Perbezaan yang ketara antara kesemuanya adalah berhubung dengan subjek kajian.

Bersesuaian dengan kajian berkaitan budaya atau bidang Antropologi yang menjurus kepada aspek ritual masyarakat, dari sudut pendekatan metodologi, para sarjana berkenaan menggunakan pendekatan etnografi yang menggunakan teknik pengumpulan data seperti temu bual dan pengamatan turut serta. Di samping itu, kaedah pensejarahan yang menekankan aspek temporal turut diaplikasikan. Dari aspek pendekatan teori pula, kebanyakan sarjana menggunakan garapan idea atau skema *Tripartite Van Gennep*<sup>1</sup> (1960) yang bersifat universal tentang struktur triadik dalam kitaran hidup masyarakat untuk memahami hal-hal berkaitan kematian dan membicarakan struktur ritual kematian berdasarkan proses-proses sebelum, semasa dan selepas pengebumian. Selain itu, pendekatan teori strukturalisme, semiotik dan komunikasi *non-verbal* turut diaplikasikan terutamanya penyelidikan Halina Sendera (2013), manakala Wellenkamp (1984) menggunakan pendekatan psikobudaya untuk disesuaikan dengan konteks kajian khususnya persoalan berhubung kepentingan hubungan peribadi dan emosi dalam menangani kematian. Sebagaimana kelaziman penyelidikan yang bersifat etnologi dan etnografi, kesemua sarjana menggabungkan kedua-dua bentuk analisis, iaitu analisis emik, (dari kaca mata dan interpretasi masyarakat yang menjadi fokus atau subjek kajian) dan juga analisis etik (interpretasi pemerhati).

## PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Makalah ini telah cuba mengisi kelompangan penelitian berhubung tinjauan perbandingan adat kematian masyarakat Borneo dan Asia, di samping melihat perbandingan dari sudut trend pendekatan sarjana. Analisis awal

terhadap tinjauan kesusasteraan berkenaan menunjukkan bahawa terdapat kesejagatan nilai dalam kalangan masyarakat Borneo dan Asia perihal pengendalian, fungsi, simbolisme serta signifikansi ritual kematian. Tinjauan perbandingan berhubung pola pendekatan penyelidikan sarjana pada lewat abad ke-20 dan awal abad ke-21 juga memperlihatkan persamaan dari aspek pendekatan skop serta matlamat, metodologi, kerangka teoretikal dan konseptual serta beberapa penemuan penting. Kebanyakan sarjana mengaplikasikan pendekatan antara disiplin, sekali gus menyumbang kepada kepelbagaian dari sudut penekanan skop serta korpus ilmu sarjana berkenaan. Selain bidang Antropologi, para sarjana turut membincangkan penemuan dari epistemologi bidang Sains Sosial yang lain, antaranya Komunikasi, Ekonomi, Psikologi dan Sejarah. Kesimpulannya, amalan dan ritual tradisional dalam kalangan masyarakat Borneo dan Asia masih terus bertahan sehingga kini walaupun masyarakat dunia telah berada di ambang pasca moden kerana makna serta fungsinya masih diperlukan. Sehingga kini, ritual tradisional masih memainkan peranan sebagai agen perpaduan yang membawa kepada keharmonian hidup bermasyarakat.

## NOTA

<sup>1</sup> Teori Van Gennep berkenaan *the rites of passage* yang menumpukan kepada tiga konsep, iaitu pemisahan, peralihan dan penyatuan atau penggabungan adalah selaras dengan perspektif strukturalisme kerana beliau pernah menegaskan bahawa sistem tripihak berkenaan diasaskan dari konsep pertentangan binari yang terdahulu diformulakan oleh Levi-Strauss.

## RUJUKAN

- Bohannon, P. & Mark Glazer. (1988). *High points in anthropology*. New York: Mc Graw Hill Inc.
- Durkheim, E. (1965). *The elementary forms of the religious life*. (Joseph Swain, Trans.). New York Press (Original work published 1961).
- Dzulfawati Hassan. (1993). Satu analisis mengenai upacara kematian Melanau Likow di Sarawak. Tesis PhD (Tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Dzulfawati Hassan. (2006). *Upacara kematian Melanau Likow di Sarawak*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Gang Chen, M.A. (2000). Death rituals in a Chinese village: An old tradition in contemporary social context. Thesis PhD (unpublished), The Ohio State University.

- Halina Sendera Mohd. Yakin. (2012). Adat kematian masyarakat di Sabah: Kesejagatan *weltanschauung* daripada perspektif strukturalisme. Dlm. Saidatul Nornis Haji Mahali & Asmiaty Amat (Ed.). *Setitik Dijadikan Laut, Sekepal Dijadikan Gunung* (Pp. 47–68). Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- \_\_\_\_\_. (2012). Symbolism in the death ritual among the Bajau. *The International Journal of The Humanities* 9 (10), pp.71–84.
- Halina Sendera Mohd. Yakin & Saidatul Nornis Haji Mahali. (2008). ‘Duang’: The semiotic interpretation and perception of the Bajau-Sama Tradition. *Jurnal Sari* 26, pp. 71–78.
- Huntington, R. & Metcalf, P. (1979). *Celebrations of death: The Anthropology of mortuary ritual*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Halina Sendera Mohd. Yakin. (2013). Semiotik dalam adat kematian Bajau. Tesis PhD (Tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Inka Pekkanen. (1988). Death Customs among the Tatana. *Brunei Museum Journal* 6(4), pp. 33 – 46.
- Levi-Strauss, C. (1963). *Structural Anthropology 1*. London:Penguin Books.
- Metcalf, P. (1991). *A Borneo journey into death: Berawan eschatology from its ritual*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Piaget, J. (1995). *Strukturalisme*. (Hermoyo, Trans.). Jakarta: Yayasan Obor Indonesia. (Original Work Published 1968).
- Radcliffe-Brown, A.R. (1952). *Structure and function in primitive society*. New York: The Free Press.
- Van Gennep, A. (1960). *The rites of passage*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Wellenkamp, J. C. (1984). A Psychocultural study of loss and death among the Toraja Sulawesi, Indonesia: Funerals. Disertasi PhD (Tidak diterbitkan), University of California, San Diego.